

07/07/2004

Mukhriz yakin tiada masalah pilih ketua

By Johari Ibrahim

ALOR STAR: Presiden Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (Ansara), Datuk Mukhriz Mahathir yakin pertandingan bagi merebut jawatan Ketua Pemuda Umno Bahagian Kubang Pasu akan berlangsung dengan baik.

Beliau yang akan ditentang oleh Naib Ketua Penaja Pemuda bahagian, Zulkifli @ Md Ros Ahmad percaya pertandingan pada mesyuarat pergerakan itu di Dewan Lai Huat Jumaat ini akan berlangsung dalam suasana kekeluargaan.

"Yang penting ialah selepas pemilihan, semua ahli Pemuda bersatu dan bekerjasama untuk memberi khidmat kepada penduduk Kubang Pasu," katanya yang enggan mengulas lanjut mengenai pencalonannya.

Mukhriz, 40, anak kelima bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, memperoleh 42 pencalonan, manakala Zulkifli mendapat 34 pencalonan selepas mesyuarat cawangan selesai 30 Jun lalu.

Seorang lagi ahli Pemuda, Suhaimi Abu, tidak layak bertanding jawatan itu apabila hanya memperoleh sembilan pencalonan, kurang empat pencalonan untuk melayakkannya bertanding.

Calon yang layak bertanding jawatan itu perlu memperoleh sekurang-kurangnya 15 peratus daripada keseluruhan cawangan di bahagian itu.

Mukhriz yang pertama kali bertanding jawatan utama itu, turut menawarkan diri bertanding jawatan Exco Pemuda Pusat pada September ini.

Menjawab soalan, Mukhriz berkata, beliau tidak dapat menghalang masyarakat daripada mengaitkan dirinya dengan Dr Mahathir.

"Bagaimanapun, saya hanya akan bercakap mengenai apa yang saya akan dan mampu lakukan," katanya.

Ketika mengumumkan hasratnya bertanding sebelum ini, Mukhriz berkata, beliau mahu sumbangan kepada bahagian itu juga sebagai cara membalas jasa ahli Umno Kubang Pasu yang memberi sokongan kepada bapanya selama ini.

(END)